



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980

LAMAN WEB :WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(24)

8 MEI 2020

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN HJ NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat
KUI NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM (B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Selatan
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSU

Sekretariat
Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE - 24/2020: KLUSTER BAHARU JANGKITAN COVID-19 MEMBABITKAN 10 ANGGOTA PENGAWAL KESELAMATAN

Dengan hormatnya dirujuk laporan berita di surat khabar bertarikh 8 Mei 2020 berkaitan 10 pengawal keselamatan (PK) termasuk seorang PK tempatan yang dijangkiti Covid-19.

2. Sebagai makluman, disahkan berita tersebut adalah benar tetapi PK tempatan yang dimaksudkan bukanlah PK kepada syarikat keselamatan tetapi adalah seorang Polis Bantuan. Sesuai dimaklumkan bahawa seorang dari PK Nepal yang terbabit (9 orang kesemuanya) telah mengalami batuk-batuk pada akhir bulan April 2020 dan telah dirujuk ke hospital untuk pemeriksaan. Hanya pada 4 Mei 2020 beliau disahkan dijangkiti Covid-19. Ekoran itu pihak kesihatan telah membuat pemeriksaan ke atas PK yang lain yang tinggal bersama PK yang dijangkiti dan mendapati lapan (8) yang lain turut dijangkiti. Persatuan dimaklumkan bahawa lapan (8) orang PK berkenaan tiada menunjukkan gejala Covid-19 (seperti demam, batuk dsbnya).

3. Justeru itu, Persatuan ingin mengingatkan semua ahli supaya mengambil berat dari sudut kesihatan dan kebersihan diri dengan pemakaian PPE dan penggunaan sanitizer. Juga **disarankan** agar tempat tinggal/asrama pengawal keselamatan (terutama pengawal Nepal) menjalani proses sanitasi (sanitise) sebagai langkah berjaga-jaga membendung penularan wabak Covid-19.

4. Di samping itu, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi sektor industri keselamatan swasta seperti Surat Edaran PIKM ke 22/2020 bertarikh 4 Mei 2020 turut dipatuhi. SOP khusus berkenaan berikut:


- 4.1 Penggunaan pengimbas thermal (Thermal Scanner) adalah wajib bagi memeriksa suhu badan dan mengenal pasti gejala lain seperti demam, batuk yang mana memerlukan pemeriksaan lanjut di hospital.
- 4.2 Memastikan penjarakkan sosial 1 meter setiap masa adalah juga wajib.

5. Surat ini dikeluarkan sebagai **PERINGATAN** kepada semua ahli agar terus menjalankan pemantauan bagi mengelak jangkitan Covid-19 berterusan.

Segala perhatian YBhg.Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, sweeping horizontal stroke with a vertical stroke intersecting it near the center.

DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
Presiden

s.k: Setiausaha Kehormat